

1981

56
KUALA LUMPUR, 15 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MALAYSIA AKAN MEMBERI PENEKANAN YANG LEBIH TERHADAP HUBUNGAN LEBIH RAPAT DENGAN NEGARA-NEGARA TIMUR, KHUSUSNYA JEPUN DAN KOREA SELATAN BAGI MENGIMBANGKAN HUBUNGAN NEGARA DENGAN PIHAK BARAT YANG WUJUD SEKARANG.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN LANGKAH INI DIPUTUSKAN BUKAN SAJA KERANA PEMBANGUNAN DI NEGARA-NEGARA TIMUR ITU LEBIH ADA KAITAN DENGAN EKONOMI NEGARA YANG SEMAKIN BERKEMBANG TETAPI BAGI MENGIMBANGKAN RAKYAT SUPAYA MEMPUNYAI SUATU PANDANGAN DUNIA YANG TIDAK CONDONG KE SEBELAH PIHAK.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM SATU SIDANG AKHBAR SELEPAS MERASMIKAN SIDANG KETUA-KETUA PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI DI WISMA PUTRA DI SINI.

PERSIDANGAN TERSEBUT YANG PERTAMA KALI DIADAKAN SEJAK MERDEKA DISERTAI OLEH 45 ORANG PESURUHJAYA TINGGI, DUTA BESAR, KUASA-KUASA USAHA DAN KONSUL MALAYSIA DI LUAR NEGERI.

DALAM PERJUMPAAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENJELASKAN KEPADA KETUA-KETUA PERWAKILAN MALAYSIA ITU TENTANG DASAR KERAJAAN DAN PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG DILAKSANAKAN SEKARANG. -- BERSAMBUNG 1256/LK

B515:
MAHATHIR-DASAR LUAR 3 KUALA LUMPUR

"SAYA MENEGASKAN KEPADA MEREKA BAHAWA MEREKA PERLU MEMPUNYAI SIKAP YANG SAMA TERHADAP KERJA TANPA MENGIRA KEDUDUKAN MASING-MASING SAMA SEPERTI YANG KITA TEKANKAN DI NEGARA INI." TAMBAHNYA.

PERSIDANGAN ITU MEMPUNYAI TIGA OBJEKTIF:

+ UNTUK MEMBOLEHKAN KETUA-KETUA PERWAKILAN TERSEBUT MEMAHAMI LEBIH MENDALAM DASAR-DASAR PERUBIHAN BARU KERAJAAN.

+ UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MEMAHAMI PERKEMBANGAN TERBARU DALAM NEGARA INI DAN BERBAGAI-BAGAI PENDEKATAN YANG DIAMBIL DALAM MENGADAKAN DASAR-DASAR. DAN

+ UNTUK MEMBERI MEREKA MAKLUMAT TERBARU MENGENAI PERKEMBANGAN DI RANTAU INI, KHUSUSNYA YANG BERHUBUNG DENGAN KAMPUCHEA.

TURUT SAMA DI SIDANG AKHBAR ITU IALAH MENTERI LUAR TAN SRI GHAZALI SHAFIE DAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR, TAN SRI ZAKARIA ALI. -- BERNAMA 1318/LK

B516:
MAHATHIR-DASAR LUAR 2 KUALA LUMPUR

57
"SAYA TELAH MENJELASKAN BAHAWA DASAR LUAR NEGARA MERUPAKAN LANJUTAN KEPADA DASAR DALAM NEGERI SUPAYA SEMUA KETUA PERWAKILAN NEGARA INI DI LUAR NEGERI MEMAHAMINYA." TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN FAHAMAN MENDALAM AKAN HAKIKAT INI, PARA KETUA PERWAKILAN MALAYSIA ITU AKAN BERADA DALAM KEDUDUKAN YANG LEBIH BAIK UNTUK MENJELASKAN BUKAN SAHAJA KEPADA NEGARA-NEGARA ASING MALAH JUGA KEPADA WARTAWAN ASING SUPAYA MEREKA JUGA MEMAHAMI PERKEMBANGAN DAN TINDAKAN YANG DILAKUKAN DI NEGARA INI.

SELAIN ITU, BELIAU JUGA MENJELASKAN TENTANG KEUTAMAAN-KEUTAMAAN MALAYSIA DALAM HUBUNGAN LUARNYA DENGAN KUMPULAN-KUMPULAN DUNIA YANG WUJUD SEKARANG.

MENURUTNYA KEUTAMAAN PERTAMA IALAH TERHADAP ASEAN DIKUTI DENGAN PERTUBUHAN PERSIDANGAN ISLAM, PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI DAN DISUSULI OLEH KOMANWEL.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SELAIN ITU, BELIAU JUGA TELAH MENEKANKAN BETAPA PENTINGNYA PERWAKILAN MALAYSIA DI SEBERANG LAUT MEWUJUDKAN KECEKAPAN, KEMAHIRAN DAN TIDAK RASUAH DALAM PENTADBIRAN MASING-MASING SEPERTI YANG DIBERI PENEKANAN DALAM NEGARA INI. -- BERSAMBUNG 1309/LK